




جایتن فریکانن  
**JABATAN PERIKANAN**  
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

# • MAKLUMAN •



KEADAAN AIR KEMERAH-MERAHAN  
DI PERSISIRAN PANTAI BARAT SABAH

SWIPE >>>



@JabatanPerikanan.bn



Department of Fisheries



+673 277 0066



**Menurut kenyataan dari Jabatan Perikanan Sabah yang bertarikh 18 Februari 2023 bahawa air kemerah-merahan telah dikesan di persisiran pantai barat Sabah.**

Sehubungan dengan itu, Jabatan Perikanan, Negara Brunei Darussalam telah membuat pemantauan air kemerah-merah dan mendapati perairan Negara Brunei Darussalam bebas dari air kemerah-merahan. Jabatan Perikanan akan terus membuat pemantauan kejadian air kemerah-merahan di Negara ini dan akan memaklumkan kepada orang ramai tentang keadaan terkini dari masa ke semasa.

Jabatan Perikanan, Negara Brunei Darussalam ingin menasihatkan kepada orang ramai untuk tidak memakan kerang-kerangan dari perairan Sabah atau tidak diketahui tempat asalnya. Orang ramai juga diingatkan untuk membuang semua insang, perut dan organ-organ dalaman ikan sebelum dimasak sebagai langkah berjaga-jaga.

Orang ramai, terutama para nelayan adalah diseru untuk membantu Jabatan Perikanan dalam mengesan kejadian air kemerah-merahan di perairan negara ini dengan melaporkan sebarang kejadian perubahan warna air dan jika menjumpai sebarang kejadian ikan mati dalam jumlah yang banyak dimana-mana kawasan perairan dan pantai-pantai di negara ini.

**Untuk makluman lebih lanjut:**



[www.fisheries.gov.bn](http://www.fisheries.gov.bn)



+673 277 0066